

EDISI
PERTAMA

SEPTEMBER
2021

FGV

GARIS PANDUAN

PENCEGAHAN BURUH PAKSA DALAM OPERASI FGV



PRAKATA

Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, FGV mempunyai kewajipan untuk memastikan hak asasi manusia sentiasa dihormati dan dilindungi. Ini termasuk memastikan tiada buruh paksa dalam operasi FGV.

Garis Panduan ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan pemahaman pihak pengurusan ladang tentang perkara-perkara yang dianggap sebagai tanda-tanda buruh paksa. Dengan menceritakan proses pengambilan pekerja migran, ianya menggariskan contoh amalan yang boleh dikaitkan dengan buruh paksa, serta perkara-perkara yang harus dilaksanakan bagi memastikan hak pekerja tidak dicabuli.

11 tanda-tanda buruh paksa yang dinyatakan dalam risalah ini adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organisation*), iaitu sebuah badan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*).

Adalah diharapkan agar Garis Panduan ini dapat menjadi bimbingan serta peringatan bagi membanteras dan mencegah buruh paksa di seluruh operasi ladang FGV.



Komitmen FGV Untuk Menghormati Hak Asasi Manusia – Petikan Daripada Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP)

Usaha kelestarian di FGV dipandu oleh Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) menetapkan kerangka kerja menyeluruh untuk agenda kelestarian FGV. GSP merangkumi tiga teras utama iaitu mempromosikan pertumbuhan ekonomi, menghormati hak asasi manusia dan melindungi alam sekitar. GSP terpakai kepada keseluruhan Kumpulan FGV di seluruh dunia serta kontraktor dan pembekal FGV.

Menghormati Hak Asasi Manusia


Kesamarataan dan Anti-Diskriminasi

Mendukung Piawaian Perburuhan

Menghormati Hak Orang Asal / Orang Asli dan Komuniti Setempat

Kesihatan dan Keselamatan

Mencegah Gangguan dan Penganiayaan



APAKAH TANDA-TANDA BURUH PAKSA?

1

Mengambil Kesempatan Ke Atas Golongan Rentan*

2

Penipuan

3

Sekatan Pergerakan

4

Pengasingan

5

Keganasan Fizikal Dan Seksual

6

Gertakan Dan Ugutan

7

Penahanan Dokumen Pengenalan Diri

8

Penahanan Gaji

9

Perhambaan Hutang

10

Keadaan Pekerjaan Dan Tempat Tinggal Yang Tidak Memuaskan

11

Kerja Lebih Masa Yang Keterlaluan

* Golongan rentan merujuk kepada mereka lebih terdedah kepada eksploitasi seperti kanak-kanak, wanita, pekerja migran, pelarian, orang kurang upaya dan warga emas.

Contoh perkara-perkara yang dianggap tanda-tanda buruh paksa

1 Mengambil Kesempatan Ke Atas Golongan Rentan

- Meminta pekerja menandatangani kontrak tanpa menjelaskan dengan betul kepada mereka syarat-syarat kontrak tersebut
- Tidak memberitahu mereka mengenai hak dan faedah kerana kurangnya kesedaran dan pemahaman mereka mengenai hak asasi manusia
- membenarkan ibu bapa membawa anak-anak mereka ke tempat kerja mengumpulkan buah-buah leri
- Mengambil duit pekerja tanpa kerelaan pekerja

2 Penipuan

- Kontrak tidak sama dengan keadaan sebenar
- Maklumat tidak tepat diberikan semasa taklimat

3 Sekatan Pergerakan

- Memerlukan tandatangan / kelulusan daripada pihak pengurusan untuk keluar selepas waktu bekerja
- Mengenakan perintah berkurung yang tidak masuk akal atau menghalang pergerakan pekerja di ladang

4 Pengasingan

- Pekerja tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit mereka di luar tempat kerja
- Pekerja tidak dibenarkan keluar dari ladang selepas habis waktu kerja

5 Keganasan Fizikal Dan Seksual

- Pengurus / penyelia menyerang pekerja secara fizikal / lisan
- Gangguan seksual

6 Gertakan Dan Ugutan

- Gertakan untuk tidak memperbaharui permit kerja dan menghantar pulang ke negara asal

7 Penahanan Dokumen Pengenalan Diri

- Menyimpan pasport atau dokumen pengenalan diri pekerja
- Pengurusan tidak menjelaskan proses / tempoh pembaharuan permit kerja
- Membiarkan pekerja tidak tahu bila pasport / permit kerja mereka akan dipulangkan semula / siap

8 Penahanan Gaji

- Tidak membayar gaji pekerja untuk jangka masa yang panjang
- Membuat potongan gaji yang tidak sah dan tanpa kebenaran pihak berkuasa atau persetujuan pekerja
- Tidak dibayar gaji seperti yang termaktub di dalam kontrak kerja

9 Perhambaan Hutang

- Pekerja berhutang dengan agen pekerjaan atau sub-agen untuk membayar kos kemasukan pekerja
- Sekiranya pekerja ingin menamatkan kontrak mereka lebih awal, mereka terpaksa membayar denda tinggi yang boleh menyebabkan mereka berhutang
- Pihak majikan menyediakan pinjaman yang menyebabkan mereka terikat dengan hutang dan terpaksa bekerja semata-mata untuk melangsaikan hutang


10 Keadaan Pekerjaan Dan Tempat Tinggal Yang Tidak Memuaskan

- Keadaan tempat tinggal yang tidak memuaskan seperti tiada bekalan air, elektrik, dan pembentungan yang tidak sempurna serta tempat tinggal yang sesak
- Alat pelindung peribadi (PPE) tidak diberikan kepada pekerja (persekitaran kerja yang tidak selamat)

11 Kerja Lebih Masa Yang Keterlaluan

- Tiada hari rehat dalam masa tujuh hari seminggu bekerja
- Kerja melebihi 104 jam sebulan melainkan dengan kebenaran daripada pihak berkuasa
- Membuat kerja lebih masa secara paksaan

* Rujuk penjurusan di setiap halaman muka surat





Andi dan rakannya yang telah lulus temuduga perlu menyediakan pasport yang sah untuk proses kemasukan. Kos pasport dibiayai sendiri oleh calon pekerja.

1 2





Mereka wajib menandatangani Borang Akuan Pekerja (dalam dwibahasa) sebelum berangkat untuk bekerja di Malaysia. Satu salinan kontrak yang telah ditandatangani akan diberikan kepada pekerja untuk simpanan dan rujukan mereka. Tempoh kontrak yang wajib bagi tenaga kerja yang berasal dari Indonesia adalah selama dua tahun, dan selain Indonesia adalah selama tiga tahun.



Andi dan rakan-rakannya tiba di KLIA. Mereka disambut dan diiringi oleh wakil majikan sepanjang proses pelepasan imigresen. Setelah selesai, mereka dibawa menaiki kenderaan syarikat ke pusat latihan FGV One Stop Centre, Gemenceh, Negeri Sembilan.

Di pusat latihan FGV One Stop Centre, Andi dan rakan-rakannya akan diberi makan dan rehat secukupnya. Mereka juga diberi kad sim Malaysia oleh petugas JTK FGV sepanjang tempoh mereka bekerja.




Di sini mereka diberikan “communication pack”, membuat pendaftaran e-wallet FGV, dan dimaklumkan tentang talian CARELINE jika ada sebarang aduan. Mereka juga akan menjalani pemeriksaan kesihatan dan ujian saringan berkaitan sebelum ditempatkan di ladang-ladang FGV.

Rahmat yang telah berkhidmat beberapa tahun di ladang FGV menjadi penterjemah kontrak pekerjaan yang telah ditandatangani di negara asal. Rahmat memberitahu Andi, jika dia tidak bersetuju dengan kontrak ini, dia boleh meminta untuk dihantar pulang ke negara asal dan segala perbelanjaan akan ditanggung oleh pihak pembekal.



Hari pertama tiba di ladang...



Mereka dibawa ke ladang dengan menaiki kenderaan syarikat. Di sana, mereka diberikan barang-barang keperluan harian dan peralatan memasak.



Rashid, seorang pengurus ladang di FGV menerima pekerja baharu dari Indonesia dan India.



Selamat datang ke Ladang FGV! Boleh bercakap Bahasa Melayu?



Semasa Rashid memberi taklimat, salah seorang pekerjaanya dari India tidak memahami Bahasa Melayu.



Rashid memastikan mereka faham kontrak pekerjaan mereka.



Pelanggaran hak pekerja boleh berlaku di setiap peringkat proses pengambilan pekerja asing ini. FGV perlu memastikan tidak ada perkara-perkara yang melanggar hak-hak pekerja sepanjang proses tersebut.

Rashid membawa Andi dan rakan-rakannya melawat kawasan pejabat dan asrama pekerja.


Kamu semua boleh masak dan berehat di sini. Petang boleh main bola.

Rashid menunjukkan kemudahan dan fasiliti asrama seperti bekalan air dan elektrik, kedai, dan padang riadah.

FGV menyediakan eWallet untuk pekerja bagi tujuan penerimaan gaji, pembelian tanpa tunai, membuat aduan dan merekod kedatangan.

Kamu juga boleh guna eWallet di kedai fizikal atau kedai bergerak yang mempunyai kemudahan ini untuk membeli barangan kering dan basah.

Ohh, jadi saya tak perlu guna wang tunai! Bagusnya!



Kamu kena pastikan rumah ini sentiasa bersih dan selamat. Jika ada masalah, laporkan kepada kami.

Ok bos!

Rashid menerangkan bahawa pekerja-pekerja bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan keselamatan tempat tinggal mereka.

Di depan pejabat...

Ok
bos!

Kami sediakan peti pasport di pejabat ladang untuk kamu simpan pasport jika mahu. Kunci kamu pegang sendiri. Tetapi kalau kamu mahu simpan pasport sendiri tanpa menggunakan peti pasport yang disediakan pun boleh.

Andi dan rakan-rakannya dimaklumkan bahawa mereka perlu sentiasa menjaga keselamatan pasport dan dokumen peribadi. Bagi pembaharuan pasport atau visa pekerja, majikan perlu memastikan pekerja memahami tujuan pasport dan dokumen berkaitan yang lain perlu diserahkan kepada majikan, dan tempoh masa yang diambil bagi proses pembaharuan tersebut.

Terima kasih
bos!

Kamu boleh keluar ke bandar waktu cuti.

Mereka turut diberitahu bahawa pekerja boleh keluar dari kawasan ladang sekiranya ada urusan dan berlibur di hujung minggu.

Pada esok harinya, Andi dan rakan-rakannya memulakan latihan di ladang.



Andi dan rakan-rakannya telah bekerja di ladang FGV selama tiga bulan.

Andi, seperti yang telah diterangkan sebelum ini, selepas tiga bulan kamu akan dibayar gaji mengikut produktiviti. Lebih banyak produktiviti, lagi besar gaji kamu akan terima.

Saya kurang faham bos. Boleh terangkan?



Rashid menerangkan semula "communication pack" setelah tiga bulan pekerja berada di ladang.

Rashid menerangkan kepada Andi tentang perubahan dalam kontrak Andi berbanding dengan kontrak yang telah ditandatangani dua bulan yang lalu.

Untuk pengetahuan kamu, FGV komited untuk mematuhi Perintah Gaji Minimum sepertimana ditetapkan oleh Kerajaan.



Kontrak dahulu tiada terma ini. Kalau faham dan setuju, boleh tandatangan di sini.

Saya faham sepenuhnya dan bersetuju dengan perubahan dalam kontrak ini.



Rashid memaklumkan kepada Andi sekiranya tiada bantahan, kontrak tersebut bolehlah ditandatangani.

Andi berasa sedih kerana ada seorang mandur yang menyuruh dia untuk bekerja setiap hujung minggu sedangkan dia sudah bekerja lebih daripada jumlah jam yang dihadkan oleh Akta Kerja 1955.



Andi, kenapa saya tengok muka kamu sedih?

Kamu ada apa-apa masalah beritahu saya.



Mandur suruh saya kerja hujung minggu lagi.

5 6

Beritahu saya jika mandur itu cari kamu.

Saya takut bos. Saya dengar ada pekerja yang diugut hantar balik.



Kamu jangan takut, saya akan mengambil tindakan untuk selesaikan masalah ini. Jika masalah masih berulang, kamu juga boleh mengadu melalui talian CARELINE. Kamu tahu nombornya?

Ya.. tapi nanti semua orang tahu saya kaki report.

FGV menyediakan talian CARELINE dan Whistleblowing Hotline 1-800-888-717 yang boleh dihubungi oleh setiap pekerja untuk membuat aduan. Sebarang maklumat peribadi tidak akan didedahkan oleh pihak FGV.

Rashid mendengar keluhan Andi lagi.

Jangan takut.
Kamu tak buat salah.

Ya lah bos.
Hari itu saya demam, nak pergi klinik. Dia tak bagi keluar. Dia bagi Panadol suruh saya sambung kerja esok. Dia bagi amaran akan buat sesuatu kalau saya tak hadir.


Eh, tak boleh macam itu. Nanti saya akan siasat lebih lanjut. Kamu tak perlu susah hati.

Terima kasih bos.

FGV

Mana-mana pekerja yang ingin pulang awal sebelum tamat tempoh kontrak perlu memberi notis bertulis satu bulan, jika tidak pekerja perlu membayar sebulan gaji dan tiket pulang ditanggung oleh pekerja itu sendiri.

Jika pekerja berminat untuk masuk bekerja semula dengan syarikat FGV, pekerja boleh terus berhubung dengan pembekal tenaga kerja yang telah dilantik oleh FGV. Pekerja juga perlu menjalani proses kemasukan seperti pekerja baru yang lain.



Kontrak Andi dan beberapa orang rakannya akan tamat. Pihak FGV menguruskan proses untuk mereka pulang ke kampung halaman. Walau bagaimanapun, pihak FGV menawarkan penyambungan kontrak dan jika bersetuju, mereka boleh mengambil cuti selama 45 hari.

Pihak FGV menanggung tiket penerbangan sehala untuk mereka dan sebagai tanda terima kasih, mereka turut diiringi sehingga ke pintu pelepasan penerbangan.



PENGHARGAAN

Garis Panduan ini dihasilkan oleh Bahagian Kelestarian Kumpulan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja & Perhubungan Perneroka, Pejabat Pengurusan Transformasi dan Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan.

BAHAGIAN KELESTARIAN KUMPULAN

Nurul Hasanah Ahamed Hassain Malim
Wan Kasim Wan Kadir
Azmariah Muhamed
Puteri Nadhirah Pekan

JABATAN TENAGA KERJA & PERHUBUNGAN PENEROKA

Md Amin Salleh
Azruladely Mohd Termizi
Adi Azizuddin Baharudin
Hussien Mansah

PEJABAT PENGURUSAN TRANSFORMASI

Ir. Dr. Gideon Tan Xiang Yee
Nur Alyani Badrol Hisham
Mohd Adam Hamdan
Ilyiana Hiylda Fitri Haron

JABATAN KOMUNIKASI STRATEGIK KUMPULAN

Dato' Najmuddin Abdullah
Dalilah Ibrahim
Azlene Ariffin
Isnan Fitri Mohd Azmi
Mohamad Hariz Hassan

JABATAN PEMATUHAN DAN PENSIJILAN, FGVPM

Norazam Ishak

PEREKA KREATIF / ILUSTRASI

Mohamad Hariz Hassan



fgvholdings.com

FGV Holdings Berhad 800165-P
Level 21, Wisma FGV, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2789 0000 | E fgv.enquiries@fgvholdings.com